

31 MAY 2000

PEKEBUN KECIL MERATAPI PEMERGIAN DATUK AHMAD ARSHAD

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil (Nash) dukacita dengan pemergian presidennya, Datuk Ahmad Arshad yang meninggal dunia pada Sabtu lepas, kata pemangku Presiden Nash, Mazlan Jamaluddin hari ini.

Mazlan berkata seminggu sebelum beliau meninggal dunia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melantiknya dalam jawatankuasa untuk menyepadukan sektor awam dan swasta dalam usaha memodenkan pertanian.

"Allahyarham dengan rendah hati menerima tawaran itu yang dianggapnya sebagai pengesahan kerajaan akan sumbangan Nash terhadap kepentingan pekebun-pekebun kecil," kata beliau dalam satu kenyataan.

Ahmad Arshad, 78, meninggal dunia di kediamannya pada 27 Mei lepas semasa ditemubual melalui telefon oleh wartawan akhbar Berita Harian. Ahmad merupakan presiden kedua Nash yang menyatukan 700,000 pekebun kecil yang menanam tanaman atas tanah tidak lebih daripada tiga hektar.

Mazlan berkata, sebelum itu allahyarham telah menyatakan hasratnya untuk melihat sambutan jubli perak Nash tahun ini.

"...dan untuk menandakan jubli itu, beliau telah menyatakan perlunya NASH melancarkan laman Web selaras dengan perkembangan era Teknologi Maklumat," katanya.

Ahmad juga telah menyatakan hasratnya untuk memulakan Kongres Ekonomi Pekebun Kecil, satu forum tahunan kebangsaan yang bertujuan membawa isu-isu berkaitan pembangunan pekebun kecil kepada perhatian pembuat-pembuat dasar.

-- BERNAMA

SLR PR